



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 52/2006

Kepada Semua
Dekan Fakulti/Ketua Pusat/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Pengarah Kampus

Assalamualaikum warahmarullahi wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PERMOHONAN BAJET PERJAWATAN TAHUN 2008

Dengan segala hormatnya, menarik perhatian Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa, Unit Perancangan Gunatenaga, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar akan melaksanakan proses Permohonan Bajet Perjawatan Fakulti/Pusat/Bahagian/Unit dan Kampus Cawangan bagi Tahun 2008.

Pemeriksaan/audit perjawatan akan dilaksanakan pada bulan Mac/April 2007 oleh pihak pengurusan UiTM sebelum permohonan tersebut dikemukakan dan dibentangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) untuk tujuan pemeriksaan/audit perjawatan di peringkat agensi pusat untuk kelulusan peruntukan tambahan perjawatan UiTM.

Sehubungan dengan itu, semua Dekan Fakulti/Ketua Pusat/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Pengarah Kampus adalah diminta untuk menyedia dan mengemukakan Permohonan Bajet Perjawatan Fakulti/Pusat/Bahagian/Unit dan Kampus Cawangan masing-masing bagi Tahun 2008.

Penyediaan permohonan bajet perjawatan bagi tahun 2008 hendaklah disediakan mengikut format dan lengkap borang-borang justifikasi permohonan yang telah ditetapkan (panduan permohonan bajet perjawatan dan borang-borang justifikasi permohonan boleh dimuat turun daripada laman web UiTM). Permohonan yang tidak lengkap dan mengikut format yang telah ditetapkan, tidak akan diproses.

Permohonan bagi jawatan teknikal Bahagian Fasiliti hendaklah dikemukakan terus kepada Pejabat Pengurusan Fasiliti, UiTM Shah Alam sepetimana dijelaskan di dalam Pekeliling Naib Canselor Bil.27/2006 bertarikh 21 September 2006 - Keperluan Staf Perkhidmatan Fasiliti UiTM.

Sehubungan dengan itu, semua permohonan jawatan dan salinan permohonan jawatan teknikal Bahagian Fasiliti hendaklah dikemukakan ke Unit Perancangan Gunatenaga, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar sebelum atau pada **1 Mac 2007** berserta dengan :-


- a. Salinan asal bercetak
- b. Salinan asal dalam bentuk disket

Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan dengan penyediaan permohonan bajet Tambahan Perjawatan 2008 yang lengkap serta mengikut format amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

Wassalam.

Yang benar,



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

Surat kami : 100-BPD(PT/PTA.6/3)

Tarikh : 1 NOVEMBER 2006